

**SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
DI KOTA DARUL NAJIM KOTA BHARU**

Isu dan Cadangan Penambahbaikan Kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya;-

Isu:-

1) Partisipasi Rakyat Dalam Penjalanan Pilihan Raya

Sistem penjalanan pilihanraya perlu diperjelaskan kepada semua rakyat supaya mereka faham dan dapat terlibat secara langsung dan aktif (*take part*) dalam proses penjalanan pilihan raya selaras dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (Artikel 21) [(1) "*Everyone has the right to take part in the government of his country, directly or through freely chosen representatives*". (Universal Declaration of Human Rights, UDHR 1948) *General Assembly of the United Nation* ini akan membantu penjalanan pilihan raya dengan lebih lancar dan sokongan rakyat terhadap penjalanan sistem demokrasi berada dalam keadaan stabil. Proses pilihan raya tidak sewajarnya menjadi suatu urusan eksklusif pihak parti politik dan individu-individu tertentu sahaja. Bahkan ianya hendaklah menjadi urusan rakyat yang peka terhadap kepentingan negara dan juga hak mereka sebagai entiti penting dalam prinsip negara demokrasi. Rakyat secara umumnya masih kurang mengambil bahagian dalam urusan ini,

Cadangan Penambahbaikan:-

SPR sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab terhadap proses pilihan raya hendaklah menjalankan satu bentuk pendidikan pemilih secara lebih proaktif khususnya dalam menyatakan hak rakyat dalam menentukan wakil mereka dalam parlimen atau dewan undangan negeri. Antara cadangan terhadap isu ini adalah seperti berikut;-

- i. Proses pilihan raya dan kuasa undi rakyat hendaklah sentiasa diwar-warkan kepada rakyat sama ada melalui media massa secara berterusan khususnya media kerajaan melalui Kementerian Penerangan Malaysia, syarikat-syarikat penyiaran swasta dalam negara, akhbar-akhbar arus perdana dan sebagainya. Antara program pendidikan pengundi yang wajar termasuklah lagu-lagu dan rancangan komedi yang memaklumkan kepada rakyat kepentingan mengundi dan bagaimana untuk mengundi dan kenapa rakyat wajib mengundi hendaklah menjadi intipati kepada pendidikan pengundi.
- ii. Hendaklah diterapkan hak pengundian dalam sistem pendidikan negara melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), iaitu dengan merangka kurikulum pendidikan pengundi di sekolah-sekolah dengan mengintegrasikan pendidikan sivik dan kenegaraan agar rakyat Malaysia terdidik sejak dari bangku sekolah lagi untuk berpartisipasi dalam urusan demokrasi negara mereka.
- iii. Hak rakyat dalam pengundian khususnya dalam menentukan wakil mereka hendaklah menjadi suatu perkara yang jelas kepada rakyat, rakyat hendaklah di didik menjadi warganegara yang bertanggungjawab terhadap negara dan suara mereka. Pihak SUHAKAM juga sewajarnya bersama dengan SPR melalui mekanisme yang pelbagai dalam menjayakan cadangan ini.

- iv. SPR juga harus menggunakan pelbagai kaedah pendidikan pemilih untuk melengkapkan bahan-bahan bertulis dihantar kepada isi rumah dan media jangkauan. Usaha khas perlu dibuat untuk mendekati pengundi di kawasan luar bandar dan pengundi warga tua dan OKU, oleh kerana mereka tidak menerima pendidikan pengundi yang mencukupi.

Isu:-

2) Undi Adalah Rahsia

Undi rahsia adalah merupakan bukti kepada keabsahan sesebuah kerajaan yang dilantik oleh rakyat dalam mana-mana pilihan raya yang dijalankan oleh negara yang mengamalkan sistem demokrasi, ini jelas sebagaimana Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (Artikel 21) [(3) *The will of the people shall be the basis of the authority of government; this will shall be expressed in periodic and genuine elections which shall be by universal and equal suffrage and shall be held by secret vote or by equivalent free voting procedures.*] (Universal Declaration of Human Rights, UDHR 1948) *General Assembly of the United Nation*. Sejauhmanakah penguatkuasaan dalam **Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954 [Akta 5] Seksyen 5, (Memelihara kerahsiaan dalam pilihan raya)** ini benar-benar terpakai dalam mana-mana pilihan raya yang telah dijalankan selama ini?

Cadangan Penambahbaikan:-

1. SPR perlu mengadakan penjelasan secara serius dan berterusan kepada rakyat melalui media massa, akan jaminan kerahsiaan undi, sehingga keraguan rakyat terhadap undi mereka tidak rahsia, dapat dihapuskan.
2. Poster-poster jaminan 'Undi Adalah Rahsia' perlu disebarluaskan pada musim pilihan raya.
3. Nombor siri pada kertas undi hendaklah ditiadakan, hanya dikekalkan pada *counterfoil* kertas undi.

Cadangan Kepada:-

Setiausaha,
Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya,
Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur.